



## Pengimarahen Masjid Berkonsepan Pembangunan Sosial

## Pengurusan Masjid

### *Enlivening the Mosque Through the Concept of Social Development*

93

MOHD ROFAIZAL IBHRAIM  
(Corresponding Author)

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bangi Selangor.  
mohdrofaizal@kuis.edu.my

Submitted: 30 September 2021  
Revised: 18 October 2021  
Accepted: 27 October 2021  
E-Published: 31 October 2021

MOHAMAD SABRI HARUN  
Jabatan Mufti Negeri Terengganu,  
Pusat Pentadbiran Islam Terengganu,  
Kuala Terengganu, Terengganu.  
mufti@terengganu.gov.my

ABDULL RAHMAN MAHMOOD  
Pusat Islam, Masjid Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Bangi, Selangor.  
abrm@ukm.edu.my

### ABSTRAK

Masjid merupakan insituti yang penting dalam masyarakat Melayu Islam di nusantara. Tidak hanya berfungsi sebagai tempat ibadah masjid juga merupakan tempat rujukan masyarakat Melayu Islam dalam perkara-perkara yang boleh diterjemahkan sebagai ibadah contohnya keraian yang berbentuk agama seperti perkahwinan, maulid nabi. Selain itu masjid juga berfungsi sebagai institusi yang membantu penduduk setempat meringankan beban masalah terutamanya perkara yang berkaitan dengan kematian sehingga tertubuhnya khairat kematian yang diuruskan oleh masjid, tempat bagi golongan yang kurang bernasib baik untuk mendapatkan bantuan dan pertolongan jemaah. Imam masjid juga turut dijadikan tempat rujukan dan memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Melayu Islam untuk menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan rumah tangga, majlis tahlil, pengurusan jenazah, memberi nasihat, menyampaikan peringatan dan sebagainya. Selain berfungsi sebagai institusi yang berkaitan ibadah, masjid seharusnya berperanan sebagai institusi yang membantu sosio ekonomi masyarakat Islam sebagaimana yang dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Masjid yang benar-benar berfungsi ialah





masjid yang masyarakat sekelilingnya dapat mengambil banyak faedah merangkumi aspek kerohanian, keilmuan, rujukan dan khidmat kepada masyarakat sehingga kepada pengislahan ekonomi dan sosial. Tulisan ini melihat kepada objektif pembangunan sosial yang disesuaikan dengan konsep pengimarah masjid untuk kesejahteraan sosial anak kariah yang merangkumi ekonomi dan moral masyarakat. Tulisan ini melakukan analisis terhadap konsep pengimarah masjid dari sudut pandangan al-Quran, hadis, fungsi masjid pada zaman nabi SAW dan konsep pembangunan sosial. Hasil tulisan ini mendapati pembangunan sosial merupakan teras kepada aktiviti pengimarah masjid sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Quran, hadis dan peranan masjid pada zaman nabi SAW. Pembangunan sosial perlu menjadi teras dan dasar kepada aktiviti pengimarah masjid untuk menghakis persepsi terhadap aktiviti masjid yang hanya terhad kepada aktiviti kerohanian sahaja.

**Kata Kunci:** Pengimarah, Masjid, Pembangunan Sosial, Khairat Kematian, Ekonomi Sosial

### ABSTRACT

Mosque is a significant institution in Nusantara. Its functions are not limited to only worship events but also as a reference centre by the Malay Muslim community for a religious events i.e wedding ceremony. Prophet Muhammad's (PBUH) Maulid etc. Mosque as a social centre for the surrounding community has been functioning as a welfare centre to help them in their daily living burden especially when a family lost their family member due to death. The informal function of a mosque as a social centre has led to an incorporation of formal social body which is well known as 'Khairat Kematian'. Imam of a mosque is a significant reference person to the community to resolve any family conflicts, advisory, funeral management, funeral ceremony etc. In spite of a place to perform specific prayers, mosque should play a role as a socio-economic centre to a Muslim community as suggested by many researchers. A well function mosque should be able to serve its community in all aspects including spiritual events, knowledge centre, and reference centre and also as an economic and social transformation centre. This writing analyses the concept of '*imarah al-masjid* from the view of al-Quran, hadith and the roles of mosque in the prophet's time. The writing found that the social development that can be aligned with objective of '*imarah al-masjid* as refered to the Quran, hadith and the functions of mosque in the prophet's time. Social development should be the objective of mosque activities to obtain good perception of the mosque's role to the entire society.

**Keywords:** '*Imarah*, Mosque, Social Development, Death Charitable Donations, Social Economy

### PENGENALAN

Peranan utama masjid ialah sebagai tempat umat Islam melaksanakan ibadah. Selain itu masjid merupakan institusi pendidikan amali bagi orang-orang Islam dalam perkara kebersihan, penyucian, penghindaran dari perkara yang sia-sia, pelaksanaan solat



fardhu dan sunat. Masjid merupakan tempat bagi para pemimpin, tempat umat Islam berkumpul. Nabi SAW membangunkan masjid atas dasar taqwa, di dalamnya didirikan solat, dibacakan al-Quran dan dilantunkan zikir, diadakan pengajaran dan pembelajaran. Nabi memutuskan perkara-perkara yang penting di masjid, memberi arahan kepada pemimpin masyarakat. Masjid menjadi pusat gerakan atau yang menggerakkan masyarakat. Masyarakat Islam datang dan berkumpul bersama nabi SAW di masjid baginda untuk mendapatkan kepastian mengenai perkara-perkara penting berkaitan akhirat dan kehidupan dunia (Ibnu Taymiyyah, 1998).

Kewujudan golongan ahl al-suffah di masjid nabi SAW merupakan suatu tanda wujudnya sistem perlindungan sosial antara anggota masyarakat yang berpusat di masjid. Nabi SAW duduk bersama golongan ahl al-suffah dan makan bersama mereka. Masjid juga menjadi pusat umat Islam menerima dan meraikan tetamu dari jauh. Mereka yang berkemampuan akan membawa tetamu pulang ke rumah untuk diraikan dan diberikan tempat perlindungan. Kegiatan sosial bagi melahirkan perpaduan di kalangan umat Islam, pusat pengajian Islam, pusat kebajikan, pusat perlindungan, pusat rawatan serta bantuan ketenteraan adalah antara peranan masjid yang telah ditunjukkan oleh nabi SAW.

Institusi masjid perlu berperanan sebagai pusat sosial setempat yang berperanan mengatur dan mengurus dari aspek kerohanian sehinggalah kepada ekonomi terutama ahli masyarakat yang memerlukan bantuan atau mereka yang ditimpa musibah bencana. Pemahaman bahawa fungsi masjid hanya terhad kepada aktiviti-aktiviti yang berkaitan ibadah kerohanian semata-mata menjadikan fungsi masjid sangat terhad dan tidak mencerminkan peranan penuh masjid. Masjid seharusnya dilihat sebagai institusi kepentingan sosial iaitu sebagai institusi yang sangat diperlukan oleh masyarakat kerana peranannya dalam masyarakat sebagai institusi pembangunan sosial. Pembangunan sosial melangkaui segala pembangunan yang berbentuk kerohanian. Aktiviti-aktiviti pengimarahkan masjid yang berkonsepkan pembangunan sosial menjadikan masjid berfungsi penuh sebagaimana masjid-masjid di era kegemilangan Islam suatu ketika dahulu.

Di Malaysia, berberapa forum, bengkel dan seminar telah di adakan sebagai usaha mengembalikan kegemilangan dan mengembangkan peranan masjid dan mempertingkatkan mutu pengurusan masjid (Hairunnizam Wahid, t.t) seperti Kongres Ekonomi dan Pengimarahkan Masjid Peringkat Wilayah Persekutuan 2019M/1440H yang menjadikan tajuk peranan masjid sebagai penggerak aktiviti ekonomi dan pembangunan masyarakat Islam dalam skop pengimarahkan masjid sebagai tema kongres. Peranan masjid sebagai penggerak aktiviti ekonomi dan pembangunan masyarakat yang merupakan objektif utama pembangunan sosial telah mendapat perhatian beberapa pengkaji yang turut mencadangkan agar aktiviti masjid tidak hanya terhad kepada aktiviti kerohanian semata-mata. Tulisan ini bertujuan merungkaikan konsep pengimarahkan masjid dari pembangunan sosial.



## **KAJIAN LEPAS**

Tulisan dan kajian lepas yang dilakukan oleh beberapa pengkaji telah mencadangkan beberapa cadangan untuk mengembalikan peranan masjid yang lebih menyeluruh dan komprehensif. Terdapat pelbagai usaha yang merangkumi kajian, seminar dan diskusi yang diadakan dan dijalankan ke arah merealisasikan peranan masjid sebagai pusat pembangunan sosial dan ekonomi. Forum, bengkel, seminar dan kajian yang dijalankan bertujuan mengembalikan fungsi dan peranan masjid yang bukan sahaja sebagai tempat beribadat, bahkan juga berperanan membantu ekonomi sosial masyarakat miskin yang kadang kala tercicir daripada mendapat bantuan yang disalurkan oleh kerajaan ataupun institusi berkaitan kerajaan seperti Pusat Zakat (Nor Asmat Ismail, 2020).

Pihak masjid perlu lebih kreatif (Nik Daud, 2014) dalam merangka pelbagai aktiviti masjid agar aktiviti yang dilaksanakan tidak hanya tertumpu kepada aspek kerohanian semata-mata. Pihak masjid perlu menganjurkan program-program yang bersifat kemasyarakatan atau sosial seperti memberikan bantuan kepada ahli masyarakat yang ditimpa musibah seperti kebakaran dan banjir (Yasoa, 2016). Kajian dan tulisan beberapa pengkaji menunjukkan bahawa aktiviti pengimarahannya masjid perlu merangkumi kebajikan, ekonomi dan kewangan komuniti<sup>1</sup>. Menurut pandangan penulis ciri-ciri aktiviti pengimarahannya yang dicadangkan oleh beberapa pengkaji menepati ciri-ciri pembangunan sosial. Kajian ini melihat kaitan antara konsep pengimarahannya masjid dan pembangunan sosial.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian mengenai pengimarahannya masjid berkonsepkan pembangunan sosial dilakukan melalui proses pengumpulan data primer dan sekunder. Pengumpulan data primer dihasilkan melalui kaedah pemerhatian manakala data sekunder pula merangkumi dua kaedah, iaitu kaedah dapatan sumber maklumat melalui buku dan koleksi persidangan, serta kertas projek yang mempunyai kaitan dengan tajuk dan objektif utama kajian dilakukan. Selain itu, pengkaji juga melakukan pencarian maklumat di laman-laman sesawang dalam talian internet. Kajian juga merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang menggariskan kewajipan majlis bagi kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam.

## **PERBINCANGAN DAN TAFSIRAN**

Dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan mengenai pengimarahannya masjid berkonsepkan pembangunan sosial.

---

<sup>1</sup> Adaptasi daripada teks khutbah Jumaat yang ditulis dan disampaikan oleh Ustaz Nazrul Hassan, Penolong Pengarah Kanan Pusat Islam USM.

## Pengimarahkan Masjid

Allah SWT berfirman:

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ

*Bertasbihlah kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya di dalamnya.*

(Al-Nur, 24:56)

Lafaz بُيُوتٍ dalam ayat di atas bermaksud masjid dan lafaz أُذِنَ membawa maksud memerintahkan dan menetapkan, lafaz تُرْفَعَ memberi maksud dibina dan dimuliakan sebagaimana pandangan Mujahid dan Ikrimah (Al-Qurtubi, 2006). Ayat ini mengandungi keseluruhan hukum-hakam yang berkaitan dengan masjid. Lafaz تُرْفَعَ merangkumi membina, membersihkan, memelihara masjid daripada dimasuki orang-orang yang mengganggu dan mengotorkan masjid, memelihara masjid dari tutur-kata dan perlakuan yang sia-sia yang tidak memberi manfaat, meninggikan suara di masjid pada selain dari berzikir kepada Allah. Ayat ini mengandungi perintah mengimarah dan memelihara kesucian masjid (Al-Sa'adi, 2002).

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

*Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk*

(Al-Taubah, 9:18)

Ayat ini mengandungi pernyataan dan kesaksian ke atas orang-orang yang mengimarahkan masjid iaitu pengimarahkan masjid merupakan urusan orang-orang mukmin dan merekalah yang sebenar-benarnya layak untuk mengimarahkan masjid secara *hissi* dan *maknawi*. Mereka yang layak mengimarahkan masjid serta beroleh ganjaran pahala kerana memakmurkan rumah Allah ialah orang-orang mukmin yang benar-benar beriman kepada Allah SWT, dan patuh serta taat melaksanakan perintah dan larangan agama dengan petunjuk daripada Baginda SAW dan dengan hati yang penuh dengan keikhlasan. Orang yang mengimarahkan masjid dengan penuh keikhlasan dan ketaatan pasti mendapat petunjuk dari Allah SWT. Ayat di atas juga memberikan kesaksian terhadap kemuliaan memakmurkan masjid dengan pembinaan dan ibadah (al-Azhar, 1992).

Berulang alik ke masjid serta berada dalam masjid untuk melakukan ibadah, membangunkan masjid dan mengindahkan masjid ialah perbuatan mengimarahkan masjid (Ibn al-Jawzi, 2001) .

من بني مسجدا يتغني به وجه الله بني الله له بيتا في الجنة

*Barang siapa membangunkan masjid kerana mengharapkan keredaan Allah maka Allah akan membangunkan untuknya sebuah rumah di syurga.*

(Al-Bukhari, 2001).<sup>2</sup>

Pengimarahkan berasal dari bahasa Arab 'amara yang bermaksud makmur iaitu memajukan. Dari sudut bahasa 'amara bermaksud mendiami seperti mendiami rumah. Makna 'imarah juga ialah berulang-alik ke masjid atau melazimi masjid atau sentiasa berada di masjid. Orang yang berulang alik ke masjid disebut sebagai orang yang mengimarahkan masjid, mendirikan masjid, membersihkan masjid, berkhidmat kepada masjid selain daripada tujuan ibadah dan aktiviti keagamaan (Abduh, 1980). 'Imarah ialah menghidupkan suasana di masjid atau surau dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah yang kebiasaannya berbentuk keagamaan (DBP, 2005).

Kaum Arab di zaman jahiliyyah memakmurkan masjid al-Haram dengan memberi makan, minum dan tempat tinggal kepada orang-orang yang datang menziarahi Ka'bah. Mereka sangat berbangga dengan perbuatan mereka dan mendakwa perbuatan mereka memakmurkan masjid al-Haram dengan cara demikian lebih mulia dan lebih utama berbanding beriman dengan nabi SAW. Allah SWT telah menafikan dakwaan mereka. Firman Allah SWT:

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۗ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

*Adakah kamu sifatkan hanya perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan Haji, dan (hanya perbuatan) memakmurkan Masjid Al-Haram itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberikan hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim.*

(Al-Taubah, 9:19)

Ayat di atas turun bersempena dengan pertikaian mengenai pekerjaan yang lebih mulia di sisi Allah SWT. Allah SWT menegaskan bahawa beriman dengan Allah dan Rasul serta berjihad lebih mulia di sisi Allah SWT dari memakmurkan masjid al-Haram. Memberi minum dan memakmurkan masjid termasuk dalam soal kebajikan, namun

<sup>2</sup> Abu Abdullah Muhammad Bin Ismail. Sahih al-Bukhari. *Kitab al-Solat* No 450

para pelakunya tidak sama dengan orang yang beriman dan berjihad di jalan Allah SWT.

Abbas Bin Abd Mutalib merupakan salah seorang individu yang mengangumi dirinya kerana mengimarahkan masjid al-haram dengan memberi minum kepada jemaah haji. Ketika beliau berada dalam tawanan kaum muslimin dalam peperangan Badar, beliau menyamakan perbuatannya dengan kaum muslimin yang terlebih dahulu memeluk Islam dan berjihad di jalan Allah. Ayat di atas merupakan penegasan bahawa perbuatan kebajikan yang dilakukan ketika kufur tidak diterima oleh Allah SWT, lalu Abbas Bin Abd Mutalib berniat meninggalkan pekerjaannya dan nabi SAW bersabda “tetaplah kamu di atas pekerjaanmu sekarang, sesungguhnya padanya ada kebaikan” (al-Thabari, 1994).

Nabi SAW tidak menyetujui hasrat Abbas Bin Abd Mutalib untuk meninggalkan pekerjaannya memberi makan dan minum kepada jemaah haji dan menegaskan bahawa pekerjaannya sekarang juga adalah baik jika disertai dengan taqwa dan keimanan.

Memakmurkan masjid perlu disertakan dengan keimanan kepada Allah SWT. Kebanggaan yang sebenar ialah beriman dengan Allah dan RasulNya, beriman dengan hari akhirat dan berjihad. Orang yang benar-benar layak mengimarahkan masjid ialah mereka yang beriman dengan Allah, hari akhirat dan berkorban di jalan Allah.

Rajah 1: Konsep Pengimarahkan Masjid



(Sumber: Penulis, 2021)

## **Pengimarahannya Masjid secara maknawi dan *hissi***

Pengimarahannya masjid secara maknawi merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan soleh dan yang paling utamanya ialah menghidupkan solat berjemaah, membaca al-Quran, berzikir, mempelajari dan mengajar ilmu yang mendatangkan manfaat, berdakwah dan sebagainya,

إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ الْمَسْجِدَ فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ

*Bila kamu sekalian melihat seseorang yang sentiasa pergi ke masjid maka persaksikanlah keimanan untuknya.*

(Al-Tirmizi, 2000).<sup>3</sup>

Membina masjid, menghiasi masjid dengan memasang lampu-lampu untuk menerangi masjid bertujuan memudahkan jemaah beribadah di masjid, berkhidmat kepada masjid seperti membersihkan masjid dari kotoran adalah termasuk dalam terma pengimarahannya masjid secara *hissi*. Nabi SAW menjadikan kewujudan masjid sebagai mercu tanda kewujudan masyarakat Islam di suatu tempat. Pengimarahannya masjid dengan maksud membina masjid dan segala kemudahan di dalamnya disebut oleh Allah SWT dalam al-Quran surah al-Nur ayat 36 yang bermaksud (Al-Quran, Al-Nur :36)

*Di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimulihkan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya.*

(Al-Nur, 24:36)

Prasarana masjid yang terhad kepada ruang solat sahaja hanya memungkinkan untuk diadakan aktiviti pengimarahannya secara maknawi sahaja sedangkan penyediaan kemudahan yang berfungsi sebagai bantuan sosial kepada golongan tertentu di masjid juga merupakan sebahagian dari pengimarahannya masjid secara *hissi*.

## **Pengimarahannya Masjid Secara *Hissi* Berteraskan Pembangunan Sosial**


Antara maqasid syariah yang terpenting ialah memelihara hak-hak dan kemaslahatan manusia, keperluan individu dan masyarakat serta kehidupan yang aman dan sejahtera. Allah SWT mengutuskan para nabi dan rasul menyampaikan syariat Islam kepada manusia ialah dalam rangka memelihara kepentingan dan keperluan manusia yang pelbagai dan antaranya ialah hak-hak yang berkaitan politik, perbandaran, ekonomi dan kemasyarakatan.

---

<sup>3</sup> Sunan al-Tirmizi. Kitab al-iman. Bab *ma ja'a fi hurmat al-solat*. No 2617

Pembangunan merupakan perkataan yang sering digunakan yang merujuk kepada perkembangan manusia dari sudut rohani dan jasmani. Islam memmanifestasikan perkembangan dan pembangunan melalui pelbagai bidang dan tempat dan salah satunya ialah masjid. Nabi SAW bersegera mendirikan masjid Quba' iaitu masjid pertama dalam sejarah Islam pada masa penghijrahan baginda sebelum baginda masuk dan menetap di Madinah.

Rajah 2: Ciri-ciri Pengimarahannya Masjid



(Sumber: Penulis, 2021)

Perkara ini menjadi asas kepada pembinaan masjid dalam masyarakat Islam sehingga masjid dibina di setiap penempatan masyarakat Islam. Orang-orang Islam mengeluarkan belanja dan usaha yang banyak untuk mendirikan masjid di kawasan mereka untuk melakukan aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh Islam seperti solat berjemaah, majlis ilmu, majlis akad nikah, tempat rujukan persoalan agama dan sebagainya. Walaupun masjid sangat sinonim dengan aktiviti keagamaan, namun peranan masjid dalam Islam bukan sekadar tempat melakukan ibadah semata-mata, bahkan terdapat fungsi lain yang sangat penting di samping ibadah iaitu membangunkan budaya, pemikiran dan pengetahuan, sumber sebaran pendidikan, sosial dan ekonomi (Ghuddah, 2007).



Antara objektif utama dan terpenting dalam pembangunan sosial ialah membantu mengurangkan bebanan ekonomi yang ditanggung oleh sekelompok individu. Pengurangan bebanan ekonomi yang menjadi objektif utama pembangunan sosial merangkumi pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat, pembangunan ekonomi dan komuniti (Zainudin, 2016) Pembangunan sosial diperlukan untuk meningkatkan taraf hidup seluruh masyarakat (J, 1995).

Pengimarahen masjid secara maknawi dengan melakukan amalan soleh seperti menghidupkan solat berjemaah, membaca al-Quran, berzikir, mengadakan majlis-majlis pengajian dan dakwah di masjid juga termasuk dalam kategori pembangunan sosial. Menurut al-Ghazali (al-Jaburiy, 2010) perkembangan dan kemajuan sosial akan berlaku sekiranya masyarakat berpegang teguh dengan asas-asas ajaran Islam. Berpegang dengan ajaran Islam dapat menghalang masyarakat dari jatuh kelembah kesesatan, kehinaan, kemunduran akhlak serta dapat melahirkan masyarakat yang berfikir dan berilmu. Masyarakat yang hampir dengan Islam ialah masyarakat yang berilmu, berakal dan Islam merupakan ciri-ciri yang membezakan sesebuah masyarakat dengan masyarakat lain. Dengan demikian menurut al-Ghazzali masyarakat tidak hanya berkembang maju dengan kebendaan semata-mata bahkan juga berkembang dengan pendekatan kerohanian. Dari pernyataan al-Ghazali dapat difahami bahawa bahawa kekuatan kerohanian juga merupakan salah satu dari komponen pembangunan sosial. Aktiviti-aktiviti pengimarahen masjid seperti majlis ilmu, solat berjemaah, sambutan hari kebesaran Islam merupakan aktiiti-aktiviti pengimarahen masjid yang bersifat membangunkan kerohanian dan keilmuan masyarakat masyarakat Islam. Peranan ini sangat tidak asing lagi dalam masyarakat Melayu Islam di Malaysia bahkan di mana-mana tempat yang terdapat masjid di dlmnya di dunia ini.

Pada zaman Rasulullah SAW, masjid menjadi tempat golongan fakir miskin berteduh dan memohon bantuan (Muslim, 2006)<sup>4</sup> sehingga terbinanya satu kawasan berbumbung yang dikhususkan untuk golongan fakir dan miskin. Mereka menjadikan masjid sebagai tempat tidur pada zaman nabi SAW. Wang-wang sedekah dan zakat dikumpulkan di masjid dan diagihkan kepada mereka yang memerlukan. Dalam kawasan masjid nabi SAW juga terdapat ruang terbuka yang digunakan untuk merawat tentera ketika perang (Al-Bukhari, 2001).<sup>5</sup>

Masjid juga pernah berfungsi sebagai tempat persinggahan golongan musafir yang tidak mempunyai tempat tuju dan orang yang terputus belanja, sesat, dan golongan yang ditimpa musibah. Golongan fakir dan miskin serta musafir yang terputus bekalan tidak putus-putus mendapat tempat perlindungan dan makanan di masjid kerana penduduk setempat mengumpulkan lebihan makanan mereka di atas kain bersih yang dihamparkan di masjid. Beberapa tokoh besar dalam sejarah Islam seperti Ibnu Jubair, al-'Abdari Ibnu Rashid dan Ibnu Batuta mencatatkan bahawa mereka menjadikan masjid sebagai tempat tuju untuk mendapatkan maklumat mengenai harga

---

<sup>4</sup> Muslim. *Bab al-haml bi ujrāh yatasadaq biha wa al-nahyu al-syadid 'an tanqish al-mutasaddiq bi qalil*, no 1697

<sup>5</sup> Al-Bukhari. *Bab al-khimah fi al-masjid li al-mardha wa ghairihim*.no 451



barangan, tempat persinggahan dan bagaimana orang-orang luar seperti mereka boleh bekerja untuk menampung perbelanjaan. Seorang doktor yang terkenal dalam sejarah Islam Ahmad Bin Ibhraim al-Jazzar memberikan perubatan percuma kepada fakir dan miskin di masjid selepas solat Isyak (Muknis, 1981).

Perkembangan kehidupan, pemikiran dan sistem politik di negara-negara Islam menyaksikan fungsi-fungsi masjid sebagaimana di awal perkembangan Islam telah berkurangan sehingga hanya terhad kepada fungsi amalan kerohanian. Fenomena ini disebabkan oleh institusi-institusi yang dibangunkan khusus untuk menjalankan fungsi khusus seperti mahkamah, baitul mal, pejabat zakat, bangunan pentadbiran negara yang telah mengambil alih fungsi-fungsi yang dimainkan oleh masjid suatu ketika dahulu.

Mendirikan solat, berzikir kepada Allah SWT dan mempelajari dan mengajar ilmu agama di masjid, membangunkan masjid, menjaga dan memelihara masjid merupakan aktiviti dan usaha memakmurkan masjid. Oleh yang demikian masjid berperanan sebagai tempat melakukan ibadah, memberikan ilmu kepada orang ramai, pertolongan kepada yang memerlukan, memandu urusan kesihatan dan kemasyarakatan.

Oleh yang demikian pembangunan sosial yang bermatlamatkan pengurangan bebanan ekonomi, penyusunan semula masyarakat dan pembangunan ekonomi komuniti juga termasuk dalam aktiviti pembangunan sosial yang seharusnya dimainkan perannya oleh masjid dan termasuk dalam aktiviti pengimarahannya secara maknawi.

## **KESIMPULAN**

Pengimarahannya masjid yang berteraskan fungsi sosial telah diamalkan sejak zaman nabi SAW yang berfungsi sebagai tempat orang-orang Islam saling bantu-membantu memberi pertolongan antara satu sama lain. Pengimarahannya masjid yang berteraskan fungsi sosial memberi maksud masjid berperanan dan berfungsi dalam segala perkara yang berkaitan dengan masyarakat. Dari sudut fiqh dan sejarah Islam, institusi masjid boleh memainkan pelbagai peranan selain peranan utamanya sebagai tempat ibadah umat Islam selagi mana difikirkan sesuai dengan tuntutan semasa dan tempat.

## **RUJUKAN**

- Abduh, M. (1980). *Al-fatawa al-Islamiyah min dar al-ifta' al-misriyyah*. Kaherah: Wizarat al-Awqaf.
- Al-Bukhari, A. A.-M. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah Mesir: Jamiyyat al-Maknaz al-Islami.



- al-Jaburiy, A. R. (2010). *al-Fikr al-Ijtima'i 'inda al-Imam al-Ghazzali*. Amman, Jordan: Dar Ghaida'.
- Al-Qurtubi, A. A.-A.-K.-A. (2006). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran Wa Al-Mubayyin Li Ma Tadhammanahu Min As-Sunnah Wa Aiy Al-Furqan*. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sa'adi, A. R. (2002). *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*. Riyad : Dar al-Salam.
- Al-Thabari, I. J. (1994). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil ayi al-Quran*. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Tirmizi, A. I. (2000). *Sunan al-Tirmizi*. Kaherah: Jam'iyat Amaknaz al-Islami.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hasan Abdul Ghani Abu Ghuddah, H. A. (2007). *Daur al-Masjid fi Tanmiyyah al-Mujtama'*. <https://midad.com/article/213637/>
- Hairunnizam Wahid, N. G. (2009). *Masjid Dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid?* Selangor: PusatPengajian Ekonomi, UKM.
- Husain Muknis, H. (1981). *Alam al-Ma'rifah al-Masajid*. Kuwait: Al-Majlis al-Wathani li al-Thaqafah wa al-Funun wa al-Adab.
- Ibn al-Jawzi, A. a.-F.-R. (2001). *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibnu Taymiyyah. (1998). *Majmu` al-Fatawa Ibn Taimiyyah*. Mansurah: Dar al-Wafa.
- James Midgley. (1995). *The Development Perspective in Social Welfare*. London: Sage Publication.
- Majma' al-Buhuth al-Islamiah bi al-Azhar. (1992). *Tafsir al-Wasit*. Kaherah, Mesir: Matba' al-Mushaf al-Syarif.
- Muslim, M. B.-H.-Q.-N. (2006). *Sahih Muslim*. Al-Riyadh: Dar Thayyibah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Nik Daud, H. d. (2014). Masjid Salehin sebagai wasilah dakwah kepada pelatih-pelatih pasukan polis di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur. *Journal of Social Science and Humanities*, 9(1).



Nor Asmat Ismail, M. H. (2020). Persepsi masyarakat terhadap peranan masjid menguruskan dana sedekah. *International Journal of Social Sceince Research*. Vol. 2, No. 3.

Yasoa, M. R. (2016). Pengurusan dana pusat ibadah: kajian eksplorasi kes beberapa masjid di Kelantan. *Journal of Education and Social Sciences*. Vol. 5.

Zainudin, M. Z. (2016). Pembangunan sosial melalui program pembasmian kemiskinan: kajian perbandingan antara kes di Melaka, Malaysia dan kes di Riau, Indonesia . Kuala Lumpur: University Malaya.